

Fosil siput laut jutaan tahun dijumpai di Perak

UM 21/01/24 m/s 38

KAMPAR: Penemuan fosil siput laut yang dianggap berusia jutaan tahun tahun di Kampung Changkat Tualang di sini dijangka mampu menjadi aset terbaharu pelancongan di negeri ini.

Malah, kawasan bekas lombong seluas 6.9 hektar yang terletak dalam jajaran Geopark Lembah Kinta itu sebelum ini terkenal sebagai kawasan untuk aktiviti berkayak, penanaman jagung skala besar dan batuan kapur dalam kuantiti yang banyak.

Pengerusi Persatuan Jurupandu Pelancong Geopark Warisan Alam Semulajadi Perak (GEONAT), Siti Najwa Mokhtar berkata, pada mulanya mereka menerokai kawasan itu kerana tarikan aktiviti berkayak dan melihat burung dengan kerjasama penduduk kampung.

“Namun, kami mendapati batu-batu kapur yang terdapat di sini seakan-akan mempunyai fosil hidupan laut purba.

“Situasi itu menyebabkan kami melakukan rujukan jurnal lama dan termasuk menyelidiki rekod pengkaji lama sebelum ini,” katanya kepada *Mingguan Malaysia*.